

CNS4067

U GB 27-01 00160 BB855

AAB

Mahathir - Kesihatan

DOKTOR DILATIH UNTUK PROGRAM PEMINDAHAN HATI

I

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Kementerian Kesihatan telah memilih sekumpulan doktor muda untuk menjalani latihan pengkhususan di luar negeri bagi memenuhi permintaan terhadap pemindahan hati di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, walaupun pembedahan hati dilakukan di Malaysia sejak 1964 namun tidak terdapat program pemindahan organ itu di negara ini.

Menurut beliau, pengwujudan unit pemindahan khusus yang mungkin memberi perkhidmatan kepada hanya antara 15 hingga 20 peratus pesakit (hati), pasti menambah bebanan ke atas ekonomi negara.

"Namun demikian sedang negara menuju menjadi sebuah negara perindustrian menjelang 2020, saya yakin bahawa kita bukan sahaja akan mempunyai sumber yang diperlukan tetapi juga kakitangan terlatih seperti yang terdapat di negara maju," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian semasa merasmikan mesyuarat kesembilan dua tahun sekali Persatuan Asia Pasifik Bagi Kajian Hati, di sini. -- Lagi.

▼27/01/14-24MST

CNS4069

U GB 27-01 00157 BB856

AAB

Mahathir - Kesihatan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar ke arah pembasmian penyakit mudah berjangkit dan yang boleh dicegah dengan memperbaiki lagi kesihatan penduduk di luar bandar dan di bandar kecil sebagai keutamaannya.

Permintaan orang ramai kepada prosidur diagnostik dan rawatan yang lebih canggih akan meningkatkan lagi kos perubatan terutamanya bagi Malaysia yang selama ini memberikan perkhidmatan perubatan percuma, tambahnya.

Katanya: "Negara kaya pun mendapati bahawa kerajaan secara bersendirinya tidak mampu membayar kos perubatan yang tinggi. Tanpa perubatan dari pihak swasta, Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan tidak praktikal".

Dr Mahathir berkata, Hepatitis B dijangka dapat dibasmi di Malaysia dalam tempoh satu hingga dua dekad melalui program pelalian mandatorinya kepada semua bayi yang baru dilahirkan yang diperkenalkan pada 1989.

Insiden penyakit Hepatitis A, endemik di Malaysia, dijangka menurun dengan penjagaan kebersihan, bekalan air dan kebersihan diri yang lebih baik, tambahnya. -- Lagi.

▼27/01/14-28MST

CNS4070

U GB 27-01 00136 BB857

AAB

Mahathir - Kesihatan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita, beliau berkata, kerajaan mungkin boleh mewujudkan institusi khusus bagi Hepatitis B seperti yang telah diwujudkan bagi penyakit jantung iaitu Institut Jantung Negara.

"Kita mempunyai banyak keutamaan lain berhubung kesihatan, bahkan kita rasa Hospital Kuala Lumpur yang berkeadaan sangat daif itu memerlukan bangunan baru.

"Ini yang menjadi masalah, kita hendak timbang susah. Mungkin kita boleh cari jalan melalui penswastaan untuk mengadakan khidmat kesihatan untuk bandar-bandar besar," katanya.

Sebanyak 600 orang peserta yang terdiri daripada ahli akademik, pakar penyelidik berkaitan penyakit hati dari dalam dan luar negeri menyertai mesyuarat empat hari itu.

Sempena mesyuarat itu pameran berkaitan penyakit berhubung dengan hati dan maklumat terkini mengenai hati turut diadakan. -- Bernama.

NZ LDB KAM.

▼27/01/14-30MST